

TVET medan pelajar bina kereta F1

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamulia.com.my

PELAJAR Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di negara ini berpeluang memperkenalkan bakat dan kemahiran masing-masing dalam membangunkan reka bentuk kereta Formula Satu (F1) menerusi Pertandingan Pendidikan Sukan Permotoran (FMEC) 2023.

Inisiatif anjuran Fakulti

Teknikal dan Vokasional (FTV), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) itu dalam masa sama menggalakkan golongan sasaran untuk berinovasi.

Dekannya, Dr. Mohd. Azlan Mohammad Hussain berkata, FMEC menjadi platform pelajar untuk menterjemahkan pengetahuan teori dan kemahiran mereka kepada produk sebenar.

Menariknya, setiap inovasi tersebut dapat diuji fungsi

dan kecekapannya di litar berprestij, Litar Antarabangsa Sepang (SIC).

"FMEC memberi cabaran kepada pelajar untuk kreatif berinovasi dalam menghasilkan jentera yang hebat daripada segi reka bentuk dan kecekapan pengendalian di litar

"Selain itu, pelajar dapat menguasai hubungan sistem-sistem dalam jentera automotif, melakukan kerja-kerja penalaan dan koordinasi jentera automotif

135cc untuk digunakan dalam perlumbaan," katanya.

Pada edisi kali kedua pertandingan itu, kategori kenderaan elektrik (EV) di litar lumba turut diperkenalkan.

Terdahulu, Kolej Komuniti Bandar Baharu (KKBB) mengekalkan kejuaraan dalam kategori 135cc selepas menewaskan 15 pasukan lain.

Kejayaan itu membolehkan pemenang membawa pulang wang RM4,000 dan trofi manakala tempat kedua diraih

Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Dusun Tua (ketiga).

Kategori EV pula diungguli Politeknik Muadzam Shah manakala Time Attack 135cc (ILP Kuala Lumpur) dan Pembentang 135cc (KKBB).

Hadiyah kepada pemenang disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Mohd. Zahari Ismail.



MOHD. Zahari dan Md Amin bersama peserta yang menjayakan FMEC 2023 di Sepang International Circuit.

Fiestaneka siswa IPGKBA didik bakal guru anjur acara

PELAJAR Kursus Pengurusan Acara, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa (IPGKBA) telah menganjurkan program Fiestaneka iaitu aktiviti sukan yang menggabungkan elemen sukaneka dan sukan tradisional.

Antara objektif utama Program Fiestaneka itu adalah untuk siswa pendidik melengkapkan Pentaksiran Berterusan iaitu Tugasan 3 yang memerlukan siswa pendidik mengendalikan, menyusun, mengatur dan menjayakan sebuah acara atau majlis.

Selain itu, ia juga dapat mengerakkan hubungan silaturahim dalam kalangan peserta dan ahli jawatankuasa pengangur, memupuk keyakinan dan sikap tidak mudah berputus asa dalam diri para peserta, membentuk peserta agar sentiasa berfikiran positif dan memberi peluang kepada peserta dalam menunjukkan bakat masing-masing.

Melalui kegiatan sukan, guru-guru pelatih IPGKBA dapat menimba pengalaman seperti sosial, kepimpinan serta disiplin diri.

Program Fiestaneka ini

merupakan suatu wahana untuk mencapai hasrat bagi melahirkan bakal guru yang kompeten selain menjadi median persediaan kepada bakal guru untuk membudayakan sukan di sekolah.

Pengarah IPGKBA, Datin Dr. Bushro Ali dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalannya, Dr. Sabariah Morad berkata, walaupun acara ini hanyalah untuk menyelesaikan tugas kerja kursus, tetapi ia menunjukkan kesungguhan dan kegigihan para pelajar yang terlibat.

"Acara sukaneka yang



ANTARA aktiviti yang diadakan sempena program Fiestaneka anjuran pelajar Kursus Pengurusan Acara, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa (IPGKBA) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

dijalankan dilihat sebagai satu aktiviti yang seronok dan mampu menyihatkan tubuh badan anak-anak.

"Dengan pengisian senamrobik pada awal acara,

kemudian diikuti dengan tiga aktiviti sukaneka, jelaslah ia telah membawa kepada satu acara yang baik untuk kesihatan warga IPGKBA," katanya.